

Bab 6

Kata Ganda dalam Dialek Melayu Sarawak

Hamidah Abdul Wahab, Wan Robiah Meor Osman
& Mohammad Hossin

Pengenalan

Kata ganda merupakan bentuk kata yang dihasilkan dengan menggandakan atau mengulangi kata dasar, sama ada kata ganda tersebut diulang secara keseluruhan atau pada bahagian-bahagian tertentu dan dengan imbuhan atau tanpa imbuhan. Kata ganda dapat diterbitkan melalui tiga cara, iaitu penggandaan penuh, penggandaan separa dan penggandaan berentak (Zainudin 2003).

Asmah (1980) dalam bukunya *Nahu Melayu Mutakhir* telah mendefinisikan kata ganda sebagai proses mengulangi sesuatu perkataan, seluruhnya atau pada bahagian-bahagian tertentu. Dalam penggandaan pada bahagian-bahagian tertentu, pengulangan berlaku pada unsur kata yang berkenaan dan unsur ini boleh merupakan suku kata (satu atau lebih) atau rentetan bunyi-bunyi (vokal dan/atau konsonan) yang tidak bertaraf suku kata. Hal ini juga dinyatakan oleh Arbak (1989) yang mentakrifkan kata ganda sebagai proses bagaimana sesuatu kata dasar atau bahagian daripadanya diulang. Bahagian yang diulang itu dipanggil gandaan, iaitu yang boleh mendahului atau mengikuti kata dasar. Misalnya *be-* dalam perkataan *bebudak* merupakan gandaan yang mendahului dasarnya, manakala *-gala* dalam perkataan *segala-gala* merupakan gandaan mengikuti dasarnya.

Dalam konteks kata yang mengalami proses penggandaan, kaedah penulisan kata ganda dalam Sistem Ejaan Baru Bahasa Melayu yang digunakan kini (sistem ejaan yang digunakan sejak tahun 1972) berbeza